

23 JUL 1997

PEMUDA UMNO SOKONG TEGURAN PM MENGENAI UNDANG-UNDANG ISLAM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno memandang serius teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung dengan pelaksanaan undang-undang syariah di negara ini yang tidak dapat membantu menyuburkan kefahaman dan penyelesaian masalah utama umat Islam.

Ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata secara keseluruhan penyeragaman undang-undang syariah bagi semua negeri perlu dipercepatkan.

Malah Pemuda menyokong usaha Perdana Menteri untuk mengadakan pertemuan dengan Raja-raja Melayu bagi tujuan berkenaan, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata dalam soal ini, pemuda Umno mahukan kerajaan-kerajaan negeri mengakui hakikat bahawa kuasa pentadbiran undang-undang syariah perlu diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan pusat.

Ahmad Zahid berkata: "hanya dengan cara ini kita percaya ia akan dapat memastikan sebarang bentuk tindakan dan agenda membangunkan umat Islam dapat dilaksanakan dengan berkesan."

Katanya pemuda Umno juga berpendapat dalam menegakkan undang-undang syariah, pendekatan yang berhemah perlu diambil dan bahawa kegawatan yang timbul sekarang bukanlah kerana undang-undang itu tidak betul, cuma wujudnya ketidakseragaman yang mengelirukan. -- BERNAMA

HT WAT